



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENCAPAIAN 100 HARI PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA PADA 11 MAC
2022 (JUMAAT)
AUDITORIUM SERI NEGERI, AYER KEROH**

“MENJAMIN MASA DEPAN RAKYAT”

BismillahirRahmanirRahim,

Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,

Saya mengawali majlis ini dengan Selawat kepada Baginda Rasul junjungan, Nabi Muhammad *Sol-lallahu Alaihi Wasal-lam,*

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA, SALAM KELUARGA MALAYSIA DAN SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA,

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

YANG BERHORMAT DATUK WIRA IBRAHIM DURUM, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;

YANG BERHORMAT DATUK ZAIDI BIN JOHARI, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI;

SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA HAJI ABDUL HALIM BIN TAWIL, MUFTI KERAJAAN NEGERI;

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI;

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN;

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN, YANG TIDAK DAPAT SAYA SEBUTKAN NAMANYA SATU PERSATU, NAMUN ITU TIDAK MENGHILANGKAN RASA HORMAT DAN NILAI PERSAHABATAN SAYA KEPADA ANDA SEMUA.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Saudara dan Saudari

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya jua, maka kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang penuh bermakna ini.
2. Majlis pada pagi ini saya sifatkan amat bermakna kerana ia khusus untuk kita bermuhasabah dan melihat kembali tentang cabaran besar yang kita telah lalui, di samping meraikan pencapaian, khususnya sepanjang tempoh 100 hari sejak bermulanya pentadbiran Kerajaan Negeri yang baharu.
3. Seterusnya, berasaskan kepada pencapaian ini, hasrat dan tekad kita adalah untuk terus beriltizam dan berusaha dengan lebih gigih lagi bagi melonjakkan prestasi cemerlang pentadbiran Negeri demi masa depan negeri dan rakyat Melaka.
4. Justeru, ingin saya tegaskan bahawa inti pati ucapan saya pada pagi ini, bukanlah hanya sekadar perkongsian pencapaian saya secara peribadi, malahan segala pencapaian untuk tempoh 100 hari sejak bermulanya pentadbiran Kerajaan ini pada 21 November 2021 yang lalu, adalah merupakan kejayaan dan pencapaian kita bersama.
5. Semua pihak telah memainkan peranan masing-masing. Ini termasuklah pihak penggubal undang-undang, penjawat awam, serta pihak swasta dan seluruh rakyat di negeri ini.

6. Di awal ucapan ini, saya ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua, terutamanya kepada barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan seluruh penjawat awam di Melaka yang diterajui oleh YB Datuk Zaidi bin Johari, selaku Setiausaha Kerajaan Negeri di atas kerjasama yang diberikan kepada pentadbiran Negeri Melaka di bawah pimpinan saya. Terima kasih. Seikhlas Hati, kita teruskan Pencapaian, Penuh Berprestasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MANIFESTO KERAJAAN NEGERI

7. Alhamdulillah, Barisan Nasional telah diberikan mandat yang kukuh oleh rakyat Melaka pada Pilihan Raya Negeri (PRN) yang lepas, apabila **memenangi 21 daripada 28 kerusi atau tiga per empat bilangan kerusi** yang dipertandingkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada seluruh rakyat Melaka kerana telah memberi mandaat dan memilih kerajaan yang stabil demi kemakmuran bersama.
8. Di kesempatan ini, saya juga merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas kepercayaan dan keyakinan kepada saya serta kepimpinan Kerajaan, untuk terus menerajui Kerajaan Negeri Melaka.
9. Amanah serta tanggungjawab atas kemenangan besar ini, bukanlah untuk menjadikan kita lalai dan sombong, sebaliknya untuk kita sentiasa menginsafi diri serta terus bekerja dengan lebih gigih lagi, untuk melaksanakan semua Aku Janji di dalam manifesto, yang bertemakan, **‘Kestabilan Demi Kemakmuran’**.
10. Manifesto ini merangkumi **1 matlamat, 5 teras dan 103 inisiatif** yang akan terus dipantau pencapaiannya mengikut tempoh masa dijanjikan iaitu **100 hari, 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun**. Ia adalah demi untuk membawa Melaka dan seluruh rakyatnya menuju masa depan yang lebih gemilang.
11. Kerajaan Negeri amat komited untuk mengotakan segala inisiatif yang terkandung di dalam Aku Janji tersebut. Sebagai langkah pertama, manifesto ini telah dimasukkan menjadi sebahagian daripada perancangan besar Kerajaan Negeri yang terkandung di dalam **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya Versi Kedua**. Selain itu, inisiatif tersebut juga telah disenaraikan di

dalam perancangan Bajet 2022 Negeri Melaka untuk terus dilaksanakan pada tahun ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN 100 HARI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

12. 100 hari pentadbiran Kerajaan ini, genap pada **28 Februari 2022** yang lepas sejak bermula pada **21 November 2021**.

**Apa guna menanam keranji,
Kalau tidak manis bergula; Apa
guna kita berjanji,
Kalau inisiatif tidak dilaksana.**

13. Sehubungan dengan itu, sukacita saya umumkan pencapaian bagi **58 inisiatif janji 100 hari** yang telah digariskan di dalam Manifesto Kerajaan Negeri telah dicapai sepenuhnya iaitu **100 peratus! Syabas saya ucapkan dan berikan tepukan gemuruh untuk diri kita sendiri.**

Hadiran yang dihormati sekalian,

14. Berikut saya kongsi antara inisiatif-inisiatif yang telah pun kita capai dalam tempoh 100 hari pentadbiran kepimpinan Kerajaan Negeri yang baharu ini.

TERAS 1 – KESTABILAN POLITIK

15. Di bawah Teras Kestabilan Politik, Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan ADUN Bukan Kerajaan sebagai rakan strategik untuk bersama-sama membangunkan Negeri Melaka dan juga membudayakan politik matang. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM100 ribu** untuk setiap ADUN Bukan Kerajaan yang keseluruhannya berjumlah **RM700 ribu** untuk kesemua 7 DUN di dalam Bajet 2022 Negeri Melaka.

TERAS 2 – LONJAKAN EKONOMI BAHARU

16. Teras Lonjakan Ekonomi Baharu pula menggariskan 12 inisiatif untuk dicapai. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk menjadikan Melaka

Waterfront Economic Zone (M-WEZ) sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi di kawasan tambak laut dengan pelbagai perancangan yang meliputi lima (5) nukleus pembangunan iaitu Melaka Harbourfront, Smart Logistic, Digital Satellite Township, Central Eco Business Park dan Trade Nucleus New Township. Pelaksanaan pembangunan di kawasan tersebut turut mementingkan aspek pematuhan kepada kelestarian alam sekitar dan penjagaan warisan negeri Melaka. Semua projek tambakan mesti melepasi penilaian teknikal alam sekitar iaitu Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar atau EIA dan juga dari sudut warisan melalui Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan atau HIA.

17. Dalam usaha untuk menyemarakkan ekonomi rakyat khususnya kepada usahawan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan **zon kawasan perniagaan yang lebih terancang** di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memperbanyakkan tempat-tempat berniaga dengan infrastruktur asas yang lengkap. Sebagai contoh, pembukaan Leypark Station di Ayer Keroh dan juga memperkenalkan Souq Subuh atau Pasar Subuh.
18. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan inisiatif **Dana Kasih Niaga** bagi **1,000 usahawan kecil** dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Sehingga kini, sebanyak **327 permohonan** telah diterima. Selain itu, seramai **373 usahawan** telah diluluskan permohonan di bawah TEKUN Nasional dengan nilai **RM3.9 juta**. Inisiatif lain termasuklah Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera, Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan lain-lain telah disediakan bagi membantu usahawan serta peniaga di Negeri Melaka.
19. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM100 ribu** untuk latihan dan bantuan *e-hailing*. Selain itu, seramai **59 usahawan** telah mendapat pembiayaan TEKUN *Mobilepreneur* melibatkan peruntukan berjumlah **RM547 ribu**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Sektor pertanian pada tahun 2021 telah mencatatkan peningkatan nilai kepada sumbangan KDNK Negeri Melaka iaitu daripada **10.2 peratus** kepada **11.2 peratus**. Ia menunjukkan potensi sektor ini untuk terus berkembang maju seiring dengan matlamat Jaminan Makanan Negeri Melaka. Justeru, sebagai sokongan kepada kumpulan sasar yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan inisiatif

bayaran sebanyak **RM1,000** seorang kepada **1,176 orang** nelayan secara one-off di bawah insentif Sara Hidup Nelayan. Sementara itu, Bantuan Sara Hidup Petani dan Penternak sebanyak **RM393 ribu** juga telah diluluskan kepada **1,310 orang**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

TERAS 3 – KECEKAPAN TADBIR URUS

21. Kecekapan tadbir urus kerajaan adalah formula penting bagi menyokong pelaksanaan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kita sedar bahawa pandemik COVID-19 telah memberi pengajaran dan pengalaman berharga kepada perkhidmatan kerajaan untuk segera beralih ke arah pendigitalan. Oleh itu, melalui komitmen Kerajaan Negeri dalam memperluaskan lagi perkhidmatan Digital Melaka, pelbagai platform telahpun disediakan seperti Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka, Melakapay, E2E dan lain-lain.

TERAS 4 – MASYARAKAT BERSATU PADU

22. Kerajaan hari ini sedar mengenai peranan yang perlu dimainkan bagi menyokong komuniti sosial di Negeri Melaka. Selain daripada melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk sosial, insentif **Musa'adah Al-Akhirah** iaitu Bantuan Pengurusan Jenazah kepada waris dalam kategori B40 bernilai **RM200** melibatkan peruntukan sebanyak **RM200 ribu** juga telah disediakan.
23. Kerajaan Negeri sedar betapa golongan belia merupakan pewaris yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan negeri pada masa hadapan. Bagi terus menyokong aktiviti belia sihat, 4 lokasi Buskers Corner iaitu di Dataran Keris Alor Gajah, Dataran Pahlawan, Laman Budaya dan Dataran Ayer Keroh telah pun disediakan bertujuan membolehkan para belia bebas melakukan aktiviti kesenian dan aktiviti karya mereka. Sejumlah **RM200 ribu** juga diperuntukkan bagi menyokong pembangunan program *e-sport*.
24. Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga komited untuk menawarkan kehidupan sosial yang saksama kepada seluruh masyarakat, melalui penetapan harga siling Rumah Mampu Milik di Negeri Melaka iaitu pada harga **RM180 ribu** serta turut menyediakan Skim Perumahan Belia bagi menggalakkan pemilikan rumah kepada lebih ramai rakyat di negeri ini.

25. Dari segi peluang dan sokongan ke arah masyarakat digital dan bermaklumat, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pusat Internet Percuma melalui **30 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi)** dan kemudahan **Wifi 'Melaka Digital' percuma** di semua 28 Pejabat JAPERUN di seluruh Negeri Melaka.
26. Sebanyak **RM200 ribu** juga telah diperuntukkan bagi melaksanakan Program Rohaniah Belia. Ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri yang sentiasa menyokong keseimbangan pendidikan duniawi dan ukhrawi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

27. Kerajaan hari ini adalah kerajaan yang adil untuk semua. Justeru, Kerajaan Negeri akan memastikan kawasan penempatan dan kawasan rayau bagi masyarakat Orang Asli terus dipelihara. Selain daripada **5 buah kampung yang telah diwartakan** iaitu Kampung Orang Asli Solok Terentang, Bukit Seraya, Lubuk Bandung, Bukit Payung dan Machap Umboo, sebanyak 9 Kampung lagi sedang dalam tindakan pewartaan bagi tujuan tersebut.
28. Inklusiviti juga merupakan antara teras kepada kerajaan hari ini. Selain daripada apa yang telah disebutkan sebentar tadi, Kerajaan Negeri juga komited untuk terus membantu golongan Orang Kurang Upaya atau OKU yang berkelayakan dan sesuai untuk diambil bekerja. Seramai **5,205 OKU** yang bekerja telah menerima Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
29. Program Perhebat OKU juga telah diperkenalkan buat kali pertama yang melibatkan bantuan kepada atlet paralimpik berjumlah **RM100 ribu**.
30. Selain itu, bagi mempersiapkan negeri ini dengan modal insan yang berkualiti, Kerajaan Negeri akan terus memastikan bahawa semua kanak-kanak di Melaka tidak akan tercicir daripada mendapat akses kepada pendidikan di pelbagai peringkat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewajibkan semua kanak-kanak Islam mendapat pendidikan agama di Sekolah Rendah Agama di negeri ini.
31. Bagi anak-anak Peminjam Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) yang mendapat Ijazah Kelas Pertama juga diberi pengiktirafan dengan pemberian pengecualian bayaran balik pinjaman iaitu pertukaran kepada biasiswa dan jika peminjam membuat bayaran sekali gus, diskaun sebanyak **20 peratus** diberikan atas baki pinjaman.

Hadirin yang dihormati sekalian,

32. Begitu juga perihalnya kepada golongan warga emas, di mana peruntukan sebanyak **RM360 ribu** telah disediakan bagi **7,148 Warga Emas** di bawah inisiatif Skim Insurans Kesihatan dan Nyawa.
33. Pelbagai bantuan juga telah disediakan mengikut keperluan bagi menjaga kebajikan kumpulan sasar berkaitan. Antaranya seperti Nutrisi Sejahtera B40 yang menyediakan **1,000** kit makanan bagi setiap DUN yang bernilai **RM2.8 juta**, bekalan lampin pakai buang dewasa untuk **2,240 penerima** serta bantuan susu kepada pesakit terlantar, OKU dan warga emas bagi **200 orang penerima**.
34. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk terus memulihkan ekonomi rakyat di Negeri Melaka. Selaras dengan cabaran kehidupan pasca pandemik COVID-19 dan sebagai persediaan memasuki era endemik menjelang 1 April 2022 ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bioteknologi Melaka telah memberikan diskaun sebanyak 10 peratus ujian RT-PCR dan tawaran harga rendah bagi pembelian barangan seperti *hand sanitizer, face mask* dan kit ujian RTK-Antigen.
35. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk meneruskan semua inisiatif bagi membantu peniaga dan rakyat yang terkesan akibat COVID-19 seperti berikut:-
 - i) Pengurangan **50 peratus** caj lesen penjaja dan peniaga kecil;
 - ii) Pengurangan **30 peratus** bayaran kompaun di bawah undang-undang PBT;
 - iii) Diskaun **10 hingga 50 peratus** kepada penyewa Yayasan Melaka
 - iv) Remisi sehingga **25 peratus** daripada cukai taksiran;
 - v) Pengecualian kenaikan kadar sewa premis perniagaan PKNM; dan
 - vi) Pengurangan **30 peratus** fi proses PBT untuk pemaju yang memajukan tanah-tanah MCL

Hadirin yang dihormati sekalian,

TERAS 5 – PEMBANGUNAN MAPAN DAN PERKONGSIAN KEMAKMURAN

36. Mobiliti rakyat merupakan penggerak kepada kesejahteraan. Dalam usaha untuk memastikan rakyat Melaka mendapat akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam yang berkualiti, Kerajaan Negeri melalui syarikat Panorama Melaka telah menyediakan **sebanyak 24 bas henti-henti baharu** yang telah beroperasi sepenuhnya.
37. Selain itu, perkhidmatan Bas Penyayang secara percuma juga telah disediakan di semua laluan bas di seluruh negeri Melaka kepada semua penerima bantuan JKM, OKU dan asnaf dengan peruntukan sebanyak **RM986 ribu**. Sebanyak **17,480 kad** telah pun diedarkan kepada kumpulan sasar tersebut.
38. Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah membuka pusat hentian bagi *e-hailing* di Melaka Mall. Selain itu, atas inisiatif YB ADUN Merlimau, sebuah lagi pusat telah disediakan di Bandar Baru Merlimau Utara bagi memberi tempat rehat yang selesa kepada adik-adik '*riders*' sementara menunggu pesanan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

39. Dalam usaha kerajaan untuk terus memaju dan memperkasa industri pelancongan negeri ini, sokongan daripada seluruh rakyat di Negeri Melaka amatlah dialu-alukan. Selain daripada menerima kehadiran pelancong dari luar negeri ini dan juga dari luar negara, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa rakyat Melaka juga perlu mendapat faedahnya. Justeru, Kerajaan Negeri melalui program Melakan Visit Melaka Packages 4.0 telah menawarkan kepada seluruh rakyat Melaka dan penjawat awam yang berkhidmat di Negeri Melaka untuk menikmati tawaran diskaun sehingga **57 peratus** melibatkan **33 lokasi** pelancongan di Melaka untuk dikunjungi.
40. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mewujudkan dasar pelepasan dan pengurangan cukai kepada pusat-pusat pelancongan yang menawarkan pakej-pakej untuk kategori T20. Cukai yang terlibat adalah Caj Warisan Negeri Melaka dan Duti Hiburan Negeri Melaka. Ini secara tidak langsung akan merancakkan lagi industri pelancongan di negeri ini yang diharapkan dapat mendorong lebih banyak pembukaan tempat-tempat tarikan pelancongan dan pusat-pusat beli-belah berkualiti tinggi yang bakal menarik pelancong dari kategori T20.

Hadirin yang dihormati sekalian,

HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA (PSMJ 2035 Versi Dua)

41. Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) digarap sebagai pelan perancangan hala tuju pembangunan negeri Melaka untuk tempoh 15 tahun mulai tahun 2021. Harapan Kerajaan Negeri adalah supaya negeri Melaka boleh mengembalikan kegemilangan sebagai pusat perdagangan yang masyhur seantero dunia satu ketika dahulu atau dikenali sebagai *Venice of The East*. Pencapaian perancangan tahun pertama juga telah dinilai dengan catatan sebanyak 91 peratus.
42. Selepas penubuhan Kerajaan Negeri yang baharu pasca Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 20 November 2021, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) ini ditambah baik mengikut kehendak dan keperluan semasa termasuk disesuaikan dengan penstrukturan portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
43. Mengambil kira **tahun 2022** adalah **Tahun Kecekapan Pelaksanaan**, maka dokumen **PSMJ 2035 Versi Kedua** adalah merupakan sebuah dokumen yang disediakan sebagai suatu rujukan yang diambil untuk mengukur kecemerlangan pelaksanaan projek dan program pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri Melaka.
44. PSMJ 2035 Versi Kedua ini juga mencerminkan aspirasi kerajaan negeri untuk memacu dan merencanakan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan domestik dan asing, memperkasa sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemuliharaan warisan serta peningkatan modal insan.
45. Untuk makluman semua, penyediaan dokumen kali ini mempunyai perbezaan berbanding tahun 2021, di mana, unsur pelaksanaan manifesto digabungkan menjadi agenda hala tuju perancangan pembangunan Kerajaan Negeri untuk mencapai kesejahteraan rakyat dan pembangunan mampan demi hasrat **Menuju Negeri Lestari menjelang tahun 2035**.
46. Dokumen PSMJ 2035 Versi Kedua ini adalah hasil daripada percambahan

fikiran dan idea semua pihak berkepentingan dalam Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka yang telah diadakan pada Januari 2022 yang lalu. Setiap *flagship* telah distruktur semula dan akan diukur pencapaiannya berdasarkan kepada *Key Performance Indikator (KPI)* yang telah ditetapkan.

47. Di antara perancangan besar Kerajaan Negeri termasuklah meneruskan pelaksanaan M-WEZ sebagai *game changer* pembangunan ekonomi Negeri Melaka setelah Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan Pelan Induk atau Blueprint M-WEZ untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pelabur dan bakal pelabur untuk sama-sama terlibat dalam pembangunan di kawasan tersebut. Selain itu, perancangan lain adalah untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah Negeri Pintar menjelang tahun 2035 serta sebuah negeri pelaburan dan destinasi pelancongan terpilih.
48. Bagi tujuan tersebut, setiap YB bertanggungjawab ke atas pelaksanaan perancangan di bawah flagship masing-masing. Laporan prestasi setiap YB perlu dibentangkan pada setiap bulan di dalam Mesyuarat MMKN dan juga perlu dilaporkan di dalam sistem Melaka LAKSANA. Pendekatan ini diambil untuk memastikan semua pelan perancangan di bawah flagship masing-masing dapat dilaksanakan mengikut jadual perancangan demi kesejahteraan kumpulan sasar.
49. Dokumen PMSJ 2035 ini juga adalah *living document* yang akan disesuaikan dengan kehendak dan keperluan semasa. Saya juga mengalu-alukan pandangan daripada semua pihak ke atas perancangan tersebut.
50. Penglibatan semua pihak amat penting kerana perancangan ini adalah untuk kita semua demi merencanakan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri Melaka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

51. Sebenarnya banyak lagi kejayaan yang kita telah capai sepanjang 100 hari ini tetapi inilah yang telah kita laksanakan. Tidaklah mampu untuk saya huraikan satu persatu di sini, kepada pihak tertentu yang sebelum ini ada bertanyakan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri, maka inilah yang telah

kita lakukan untuk rakyat dan Negeri Melaka.

52. Kita juga telah mendokumenkan segala pencapaian di dalam booklet Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang diedarkan pada hari ini. Pada hari ini juga, kita turut mengedarkan PSMJ 2035 Versi Kedua.
53. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakyat Melaka dalam mendokong usaha kerajaan dalam mengawal pandemik COVID-19 dan memulihkan ekonomi negeri.
54. Apa yang kita capai ini adalah pencapaian kita bersama. Ini merupakan langkah pertama untuk kita mengorak ke langkah seterusnya. Saya tidak mungkin boleh melakukan ini seorang diri.
55. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mempunyai pasukan yang komited untuk bekerja bersama saya, beriltizam untuk memberi khidmat terbaik kepada rakyat seluruhnya.
56. Marilah kita terus kukuhkan kesatuan atau “Wahdatul” kita dalam misi untuk membawa Melaka menjadi sebuah negeri yang lebih maju jaya, rakyatnya bahagia sehingga menggamit dunia. Insya-Allah.
57. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan **Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dan seterusnya melancarkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 Versi Kedua.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.